



## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	15/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JMG			

UM, 15 Sept  
2021\_12

## 350 hingga 400 gua dikesan masih wujud di Perlis

**KANGAR** : Sekumpulan empat anak muda dari Perlis Nature and Wildlife (PNW) melalui projek Perca Kain mengambil inisiatif mengkaji serta mengenal pasti kewujudan gua-gua batu kapur serta bekas lombong bijih timah di sekitar negeri ini.

Projek yang diketuai pengasas PNW, Syamil Abd. Rahman bersama ahli persatuan tersebut iaitu Ahmad Fahmi Mohd Radzi, 25, Mohamad Shafiq Useng, 23, dan Fatimah Abd. Razak, 29, dimulakan sejak hujung tahun lalu.

Kumpulan tersebut melakukan kajian daripada segi merekod kewujudan, pemetaan, nilai sejarah dan penemuan pelbagai spesies flora dan fauna di gua-gua tersebut.

Sepanjang tempoh kajian tersebut juga, mereka turut me-



**SYAMIL ABD. RAHMAN** (kanan) menunjukkan gambar penduduk kampung mengumpulkan kalam semah yang dirakam pada tahun 1961 di Gua Kurung Batang, Bintang, Kangar, Perlis, semalam. - **UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN**

ngenal pasti kira-kira 25 lokasi gua batu kapur yang menjadi lokasi bekas perlombongan bijih timah melalui catatan sejarah

perlombongan.

Syamil berkata, kajian tersebut menuntut komitmen yang tinggi daripada segi masa, tena-

ga serta wang ringgit khususnya apabila aktiviti penerokaan gua-gua bagi mencari data dan penemuan warisan sejarah yang bernilai tinggi itu tidak mudah dilakukan berikutan faktor geografi mencabar selain ia tidak dapat dilakukan sepenuh masa.

Selain itu, katanya, ada diantara gua tersebut berisiko untuk diteroka berikutan kekurangan kelengkapan khusus yang menyebabkan mereka terpaksa kembali semula berulang kali bagi mendapatkan data yang lengkap.

Katanya, setiap minggu sepanjang setahun ini, mereka akan menerokai gua-gua tersebut selain turut menemukan lokasi baharu membabitkan kewujudan gua batu kapur yang tidak pernah dijejaki sesiapa sebelum ini.

"Kebanyakan status gua perlombongan bijih timah terbiar begitu sahaja kecuali Gua Kelay satu dan Gua Kelay dua. Sebanyak 23 gua lagi, dilihat terbiar begitu sahaja sedangkan mempunyai nilai warisan dan khazanah yang tinggi.

"Tujuan projek sukarela tersebut antaranya untuk merekod dan mengambil data, gambar kewujudan bagi kegunaan masa hadapan sekiranya ada ancaman kuari dan pencerobohan," katanya.

"Projek Perca Kain ini bermula tahun ini pada musim panas dengan lancar. Terdapat pertambahan rekod gua-gua baharu daripada rekod sedia ada iaitu sebanyak 35 gua di seluruh Perlis dan yang mudah diakses meningkat kepada 49 setakat September ini," katanya.

